

Majlis Perasmian Galeri GLULAM, Tebrau

- MALAY VERSION ONLY -

YAB TAN SRI DATO' HJ. MUHYIDDIN
HJ. MOHD. YASSIN
TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA

SEMPENA MAJLIS PERASMIAN
GALERI GLULAM, TEBRAU
JOHOR BAHRU

SELASA, 22 MEI 2012

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis.

Yang Berhormat Tan Sri Bernard Dompok
Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia (MPIC)

Yang Berhormat Menteri-Menteri Persekutuan

Yang Amat Berhormat Dato' Haji Abdul Ghani Othman
Menteri Besar Johor

Yang Berhormat Timbalan-Timbalan Menteri

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Ali bin Hassan
Speaker Dewan Undangan Negeri Johor

YBhg. Datin Paduka Nurmala Abd Rahim
Ketua Setiausaha MPIC

Yang Berhormat Dato' Haji Obet bin Tawil
Setiausaha Kerajaan Johor

Ketua-Ketua Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri

Dif-Dif Kehormat, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan, Puan-Puan,

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wa barakatuh,

Salam sejahtera dan salam 1 Malaysia.

1. Alhamdulillah, setinggi puji dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin dan kurniaNya, kita dapat bersama-sama berhimpun dalam majlis bersejarah bagi merasmikan bangunan Galeri Glulam, yang menggunakan teknologi terkini 'glue-laminated timber' (glulam), di Johor Bahru pada pagi ini. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) dan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) kerana telah sudi mengundang saya untuk merasmikan bangunan Galeri Glulam ini.

2. Sebagai anak watan negeri Johor, saya amat berbangga melihat sebuah bangunan ikonik tersergam indah menggunakan kayu keras Tropika dan dibangunkan dengan hasil kreativiti rakyat Malaysia. Saya percaya Galeri Glulam ini akan menjadi mercu tanda di negeri Johor serta pemangkin kepada Wilayah Pembangunan Iskandar. Galeria Glulam ini merupakan salah satu

projek Kerajaan Persekutuan yang menekankan kepentingan industri perkayuan kepada seluruh rakyat Malaysia terutamanya kepada rakyat Negeri Johor.

YB Tan Sri/Dato'-Dato'/Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan- Puan,

3. Industri perkayuan merupakan salah satu sektor ekonomi yang penting kepada Negara. Industri ini pada puratanya telah menjana pendapatan eksport tahunan sebanyak RM21.7 billion bagi tempoh 2006 hingga 2010 dan telah menyediakan peluang pekerjaan kepada hampir 300,000 orang. Bagi tahun 2011, industri perkayuan Negara telah menyumbang nilai eksport sebanyak RM20 billion yang merupakan 14.1% daripada jumlah eksport produk-produk komoditi yang bernilai RM141.2 billion.

4. Di kalangan produk-produk kayu, produk utama yang dieksport adalah perabot di mana pada tahun 2011, nilai eksport perabot adalah RM6.5 billion, iaitu 32.5% daripada keseluruhan eksport produk-produk kayu. Malaysia merupakan pengeksport perabot ke lapan terbesar di dunia dan di kalangan negara-negara Asia, kita merupakan pengeksport ketiga terbesar. Saya berharap MPIC akan meneruskan usaha untuk memperkasa lagi daya saing industri perkayuan Negara melalui pengeluaran lebih banyak produk-produk perkayuan yang bernilai tinggi dan mengukuhkan lagi pasaran eksport.

5. Saya yakin dengan adanya Dasar Perindustrian Kayu Negara (NATIP), pembangunan industri perkayuan negara akan dipertingkatkan lagi bagi mencapai sasaran eksport sebanyak RM53 billion menjelang tahun 2020. Saya juga berharap MPIC akan terus memudahcarakan pembangunan industri perabot negara sehingga mencapai status top three pengeksport perabot dunia menjelang tahun 2020.

6. Selain itu, saya percaya langkah-langkah bersepadu yang dilaksanakan oleh MPIC di bawah NATIP akan menggalakkan peralihan industri berasaskan kayu, khususnya pembuatan perabot daripada kaedah pengeluaran Own Equipment Manufacturing (OEM) kepada Own Design Manufacturing (ODM) / Own Brand Manufacturing (OBM). Adalah menjadi hasrat saya agar negara kita akan menjadi pengeluar tersohor seperti negara Itali yang banyak menghasilkan produk ODM/OBM dan terkehadapan dengan penghasilan rekabentuk yang mendapat pengiktirafan antarabangsa.

YB Tan Sri/Dato'-Dato'/Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan- Puan,

7. Kerajaan akan sentiasa menggalakkan usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D). Di bawah Rolling Plan Pertama dan Kedua RMKe-10, peruntukan sebanyak RM340 juta telah disediakan untuk membiayai aktiviti-aktiviti R&D, yang meliputi R&D di dalam sektor industri perkayuan. Ini juga adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memperkukuhkan aktiviti-aktiviti R&D seperti mana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia dalam Bajet 2012. Langkah ini memberi fokus bagi mengungguli modal insan, mencerna kreativiti dan mencetus inovasi dalam bentuk penghasilan produk dan teknologi baru oleh institusi-institusi penyelidikan dalam negara. Langkah pengkomersilan hasil R&D akan meningkatkan potensi pasaran produk dan teknologi berkenaan dan seterusnya akan dapat menyumbang kepada peningkatan Gross National Income Negara.

8. Pengkomersilan hasil R&D juga merupakan satu komponen yang amat penting untuk meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara. Di sini saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Woodsfield Timber Industries Sdn. Bhd. yang merupakan syarikat pertama menjadi pengeluar produk glulam di Malaysia dan merupakan pembekal perintis bagi komponen glulam untuk bangunan ini. Saya berharap agar lebih banyak pengusaha industri kayu akan menceburi bidang pengeluaran produk glulam terutamanya bagi memenuhi permintaan sektor pembinaan struktur.

YB Tan Sri/Dato'-Dato'/Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan- Puan,

9. Pembinaan Galeri Glulam ini bertepatan masanya dengan saranan Kerajaan supaya rakyat Malaysia sentiasa kreatif dan inovatif. Saya difahamkan keunikan bangunan yang dirasmikan pada hari ini menggunakan struktur bangunan berteknologi "glue-laminated timber" (glulam) bagi

pembinaannya. Bangunan yang istimewa ini juga telah tersenarai dalam buku The Malaysia Book of Records sebagai bangunan pertama di Malaysia yang menggunakan kayu tropika dengan teknologi glulam, iaitu satu pencapaian yang amat membanggakan.

10. Pada 29 Oktober 2011, saya telah dijemput oleh MPIC untuk merasmikan Persidangan dan Pameran Antarabangsa Komoditi Malaysia atau MICCOS. Sewaktu lawatan tersebut, saya telah dibawa melihat model Galeri Glulam dan diberi taklimat mengenai keunikan rekaan dan aplikasi kayu secara intensif, termasuk penggunaan kepingan kayu Belian sebagai bahan atap.

11. Pada hari ini, saya amat bersyukur kerana diberi peluang untuk melihat sendiri keindahan bangunan ini yang memaparkan rekabentuk yang inovatif, dengan penggunaan lebih 80% Industrialised Building System (IBS) berasaskan kayu. Usaha ini adalah selaras dengan kehendak Kerajaan yang menetapkan sekurang-kurangnya 70% skor IBS bagi mana-mana projek pembangunan fizikal Kerajaan. Sebagaimana kita semua maklum, sistem IBS merupakan salah satu inisiatif kerajaan bagi mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh, terutamanya buruh asing, dan mengurangkan pembaziran bahan di tapak pembinaan melalui kaedah konvensional.

12. Pembinaan Galeri Glulam ini merupakan pelaburan jangka panjang bagi memastikan kelestarian industri kayu di Malaysia dalam pelbagai aspek yang merangkumi inovasi kejuruteraan kayu serta R&D. Saya percaya Negara kita mempunyai tenaga dan kemahiran bagi menghasilkan teknologi dan produk-produk kayu seperti glue-laminated timber di mana ianya akan meningkatkan imej Negara di persada antarabangsa sebagai pengeluar produk-produk kayu yang inovatif dan berteknologi tinggi.

13. Saya merasa amat gembira apabila dimaklumkan bahawa sejak peringkat awal pembinaan Galeri Glulam sehingga kini, bangunan ini telah menerima lebih 1,000 pelawat khususnya pihak specifiers seperti arkitek dan jurutera dari JKR, CIDB, Perbadanan Putrajaya, pelajar-pelajar IPT seperti UTM dan UiTM dan juga pelawat dari luar negara seperti USA, UK dan Perancis. Saya berharap Kementerian dan agensi berkenaan akan terus merancang program-program promosi berterusan bagi Galeri ini kepada kumpulan-kumpulan sasaran dalam dan luar negara.

YB Tan Sri/Dato'-Dato'/Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan- Puan,

14. Kerajaan sentiasa menyokong usaha-usaha untuk menggalakkan penggunaan produk berinovasi glulam, khususnya bagi bangunan-bangunan di dalam negara. Sehubungan ini, saya gembira bila dimaklumkan bahawa dua projek di bawah seliaan JKR khususnya bagi pengubahsuaian lobi di bangunan Parlimen serta projek Kementerian Pertanian di Cyberjaya yang bernilai RM50 juta akan menggunakan teknologi glulam.

15. Pada pengamatan saya, produk glulam serta produk berinovasi lain bukan sahaja dapat digunakan dengan meluas di pasaran domestik untuk jangka masa panjang, malahan produk-produk berkenaan boleh dieksport ke pasaran global sepertimana yang telah dilakukan oleh negara-negara maju seperti Australia dan New Zealand, yang mempunyai kepakaran dan teknologi bagi mengeksport produk glulam khususnya bagi sektor pembinaan.

16. Selain itu, saya yakin dan optimistik dengan prospek pembangunan industri per kayu negara mencapai tahap yang lebih tinggi pada masa akan datang. Ini adalah berdasarkan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan, termasuk sentiasa menyediakan pelbagai bentuk bantuan dan peruntukan kewangan bagi program pembangunan ladang hutan. Sehingga kini, Kerajaan telah memperuntukan lebih RM600 juta bagi meluaskan tanaman ladang hutan, dan Kerajaan turut merancang menyediakan peruntukan kewangan berjumlah RM3 bilion bagi meluaskan ladang hutan bagi mencapai ladang seluas 375,000 hektar menjelang tahun 2020.

17. Ini akan memastikan sumber bahan mentah yang terjamin dan mampan. Produk-produk kayu adalah mesra alam dan mempunyai karbon footprint yang rendah berbanding dengan lain-lain produk seperti besi, aluminium dan PVC. Ini akan menjadi tarikan utama apabila ianya dilengkapi dengan rekabentuk produk-produk kayu-kayan yang seiring dengan permintaan pengguna.

18. Saya yakin melalui kombinasi pengurusan yang strategik oleh para pengusaha industri per kayu, dan disokong dengan input teknologi yang canggih serta dasar Kerajaan yang

pragmatik, kayu tropikal sebagai bahan hijau akan terus memperkukuhkan pasarnya. Oleh yang demikian, tumpuan hendaklah diberikan bagi memberi gambaran kelebihan produk-produk kayu dan dipromosikannya sebagai pilihan utama pengguna, khususnya untuk sektor pembinaan dan penghiasan dalaman bangunan.

19. Saya percaya di negara-negara maju, pengguna lebih mementingkan bahan kayu yang mesra alam dan juga mempunyai kecantikan estetik yang unggul. Dalam konteks ini, saya berharap MTIB dan juga Majlis Perakayuan Malaysia (MTC) akan terus melipat-gandakan usaha masing-masing untuk memastikan kualiti dan rekabentuk produk glulam Malaysia menepati spesifikasi industri, di samping bekerjasama dengan agensi promosi Kerajaan yang lain seperti MIDA dan Tourism Malaysia bagi meningkatkan lagi usaha mempromosikan pelaburan bagi pengeluaran dan pemasaran glulam di niche market tertentu.

YB Tan Sri/Dato'-Dato'/Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan- Puan,

20. Nilai utama sesebuah bangunan itu terletak pada pengisian secara optimum bagi setiap prasarana yang disediakan. Saya difahamkan, apabila Galeri ini berfungsi sepenuhnya kelak, ia akan menjadi pusat rujukan dan pelantar maklumat mengenai pembangunan industri kayu dan dilengkapi dengan peralatan teknologi terkini bagi mengasah bakat jureka muda untuk berkarya di bawah program Transformasi Rekabentuk Perabot.

21. Di samping aspek inovasi produk, aspek pembangunan modal insan tidak kurang pentingnya dalam melahirkan pekerja yang berinovasi dan berkemahiran. Dalam hubungan ini, Pusat Pembangunan Kemahiran Industri Kayu (WISDEC) yang merupakan pusat latihan dalam menjalankan pelbagai program pembangunan modal insan dalam industri perakayuan, kini telah mewujudkan kerjasama dengan Kementerian Pelajaran melalui pembangunan modul industri pembuatan perabot bagi pelajar aliran vokasional di Tingkatan 4 dan 5. Projek perintis bagi program tersebut kini sedang berlangsung di Sekolah Vokasional di Batu Pahat yang disertai oleh 20 orang pelajar. Saya berharap lebih ramai pelajar dapat dilatih dalam bidang reka bentuk perabot perakayuan yang inovatif supaya dapat terus mengukuhkan lagi daya saing industri perabot negara kita.

22. Untuk aktiviti R&D dalam bidang komposit pula, saya difahamkan bahawa Pusat Pembangunan Fiber dan Biokomposit atau FIDEC di bawah MTIB sedang bekerjasama dengan pihak industri dalam penggunaan bahan alternatif biokomposit seperti batang kelapa sawit, buluh, rotan dan kenaf bagi menghasilkan produk panel dan lantai. Usaha ini sudah tentu akan dapat membantu meningkatkan penggunaan teknologi tempatan dalam penggunaan kayu dan bahan komposit bagi pasaran domestik dan luar negara. Ini juga merupakan salah satu langkah kerjasama strategik yang penting bagi menyediakan bahan alternatif untuk menangani masalah kekurangan bahan mentah bagi membangunkan industri produk berasaskan kayu di Malaysia.

YB Tan Sri/Dato'-Dato'/Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan- Puan,

23. Di samping pembangunan pelbagai produk perakayuan, aspek sokongan bagi menambah ciri estetik produk, termasuk penggunaan bahan kemasialan yang mesra alam dan memenuhi keperluan Green Building hendaklah digalakkan. Oleh yang demikian, industri perakayuan hendaklah prihatin akan permintaan pengguna semasa dan cuba menggunakan teknologi hijau seperti Ultra violet (UV) coating serta water borne paint yang memenuhi standard antarabangsa.

24. Piawaian ISO yang sedang digunapakai oleh negara-negara maju terutama di Eropah bagi mengelakkan penggunaan bahan toksik yang memberi kesan negatif kepada kesihatan manusia hendaklah dipatuhi supaya produk perakayuan kita mudah diterima dan diguna tanpa was-was dan curiga oleh pengguna di pasaran di negara maju.

25. Dalam hal ini, saya dimaklumkan bahawa MTIB telah dilantik sebagai Badan Penggubal Standards (Standards Writing Organisation) mulai tahun 1999 untuk kayu, produk kayu dan kayu struktur serta diiktiraf sebagai badan pensijilan 'Certification Body' oleh Standard Malaysia. MTIB juga sedang dalam proses mendapat pengiktirafan sebagai Registered Overseas Certifying Body

(ROCB) dari Ministry of Agriculture, Fisheries and Forestry of Japan bagi menjalankan proses pensijilan bagi produk papan lapis yang dieksport ke pasaran Jepun.

26. Dengan perkembangan positif ini, diharap MTIB akan terus berperanan secara efektif bekerjasama dengan pihak industri agar sentiasa memastikan bahawa industri perkayuan negara memenuhi hasrat serta keperluan pasaran tempatan dan antarabangsa khususnya dari aspek penguatkuasaan standard dan piawaian produk perkayuan. Sehubungan itu, diharap laluan dan penerimaan bagi produk-produk perkayuan negara akan menjadi lebih lancar khususnya dalam usaha kita mengeksploitasi potensi pasaran-pasaran bagi produk perkayuan luar negara.

YB Tan Sri/Dato'-Dato'/Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

27. Sekali lagi, saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas daya usaha semua pihak yang terlibat dari peringkat awal pelaksanaan projek sehinggalah projek Galeri Glulam berjaya disiapkan.

28. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan sukacitanya merasmikan bangunan Galeri Glulam pada hari ini.

Sekian, terima kasih. Wabillahitaufik Walhidayah Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.